



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 6/2020

**LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN LATIHAN DAN
TUNJUK AJAR YANG DIBERIKAN KEPADA GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA**

1. Berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**, perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar kepada seseorang yang memegang Kad OKU yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan dengan syarat penyedia perkhidmatan berkenaan adalah pusat latihan dan tunjuk ajar:
 - (a) yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - (b) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; atau
 - (c) yang diiktiraf oleh mana-mana persatuan kebangsaan orang kurang upaya yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.
2. Pemberian perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar oleh mana-mana penyedia perkhidmatan termasuk penyedia perkhidmatan di Para 1 kepada mana-mana orang selain orang yang memegang Kad OKU yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] adalah suatu perkhidmatan bercukai di bawah butiran (g) ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
3. Penyedia perkhidmatan yang dinyatakan di Para 1 adalah bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 sekiranya nilai ambang bagi perkhidmatan bercukai di ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 melebihi nilai ambang yang ditetapkan dalam ruang (3).
4. Pemberian perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar oleh penyedia perkhidmatan selain penyedia perkhidmatan di Para 1 kepada orang yang memegang Kad OKU yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] adalah suatu perkhidmatan bercukai di bawah butiran (g) ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA